

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
(PARIT SULONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.11.2015**

**Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [ PARIT SULONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah penyusutan nilai ringgit kebelakangan ini (penyusutan sebanyak 25% berbanding dollar Amerika sejak 12 bulan lalu), kejatuhan harga minyak dunia dan kelembapan ekonomi China memberi kesan kepada pendapatan dan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyusutan nilai ringgit kebelakangan ini, kejatuhan harga minyak dunia

dan kelembapan ekonomi China pada keseluruhannya memberi kesan kepada pendapatan dan ekonomi negara tetapi kesannya tidak begitu ketara.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit sejak akhir September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luar. Dalam tempoh September 2014 hingga 30 Oktober 2015, nilai ringgit menyusut sebanyak 24%, terutamanya didorong oleh aliran keluar portfolio. Mata wang utama dan serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 3.2% sehingga 18.7% berbanding dolar AS dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, baru-baru ini, trend ini mula menunjukkan perubahan dan nilai ringgit menjadi kukuh sebanyak 3.3% bagi tempoh 1 Oktober sehingga 30 Oktober 2015.

3. Kesan daripada kejatuhan harga minyak dunia dapat dilihat dengan pengurangan pendapatan eksport minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) negara kepada RM48 bilion dalam tempoh Iapan bulan pertama 2015 (Januari – Ogos 2014: RM65.1 bilion). Namun, pendapatan eksport minyak mentah dan LNG hanya mewakili 9.6% daripada jumlah keseluruhan eksport negara. Kesan ini dapat dikurangkan dengan adanya

kepelbagaian produk dan pasaran eksport. Prestasi jumlah eksport sektor lain terutamanya bagi barang pembuatan (termasuk sektor elektrik dan elektronik) yang menyumbang sebanyak 80% kepada jumlah eksport dalam tempoh lapan bulan pertama 2015 telah meningkat dan dijangka terus stabil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Kejatuhan harga minyak mentah juga turut memberi impak positif. Ini dapat dilihat dengan penurunan harga minyak runcit yang seterusnya dapat membantu mengekang tekanan inflasi. Inflasi yang diukur oleh peratus perubahan Indeks Harga Pengguna (CPI), menyederhana sebanyak 1.9% bagi tempoh sembilan bulan pertama 2015 (Januari - September 2014: 3.3%), dengan kumpulan pengangutan telah mencatat penurunan 4.1% (Januari - September 2014: 4.8%). Walaupun dengan pelaksanaan GST pada bulan April 2015 serta penyusutan nilai ringgit, kadar inflasi berada pada tahap terkawal. Ini disebabkan oleh harga minyak domestik yang rendah berikutan pelaksanaan mekanisme harga apungan terkawal bagi harga minyak. Sementara itu, penurunan harga

minyak mentah secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah dan ini akan membantu menyokong perbelanjaan swasta dan mencergaskan ekonomi domestik.

5. Berkenaan dengan kesan kejatuhan harga minyak ke atas pendapatan Kerajaan, kejatuhan yang berterusan sejak akhir tahun 2014 memberi impak negatif ke atas hasil dan kedudukan fiskal negara. Oleh itu, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015, daripada USD100 setong kepada USD50 setong. Dengan harga minyak mentah yang lebih rendah ini, hasil Kerajaan Persekutuan dianggar berkurang sebanyak RM12.8 bilion berbanding anggaran asal RM235.2 bilion. Namun demikian, pelaksanaan GST pada 1 April 2015 telah mengimbangi kekurangan hasil ini.

6. Kutipan hasil pada tahun 2015 sebagai peratusan daripada KDNK dijangka berkurang 0.8 mata peratusan manakala jumlah perbelanjaan dianggar berkurang 0.6 mata peratusan berbanding unjuran asal. Oleh itu, Kerajaan telah menyemak semula sasaran paras defisit fiskal tahun 2015 daripada sasaran asal 3.0% kepada 3.2% daripada KDNK. Namun

paras ini adalah lebih rendah daripada 3.4% yang dicapai pada tahun 2014, mencerminkan komitmen ke arah konsolidasi fiskal.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Meskipun pertumbuhan China dijangka lebih perlahan, China kekal sebagai rakan dagangan utama Malaysia. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2015, jumlah perdagangan dengan China meningkat 9.6% berbanding 4.3% dalam tempoh yang sama pada tahun 2014. Eksport kasar meningkat ketara sebanyak 9.3% (Januari - Ogos 2014: 0.9%) disokong oleh permintaan elektrik dan elektronik (E&E), produk petroleum serta kimia dan produk kimia. Manakala import kasar berkembang 9.8% (Januari - Ogos 2014: 7.2%). Walau bagaimanapun, kelembapan ekonomi yang lebih cepat daripada jangkaan di China akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi global yang secara tidak langsung akan memberi kesan kepada negara melalui jaringan perdagangan dan pasaran kewangan. Namun, perkembangan pesat masyarakat kelas pertengahan China akan meningkatkan permintaan domestik China, terutamanya dalam aktiviti berkaitan perkhidmatan dan penggunaan, secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi global.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada keterangan perkembangan ekonomi di atas, adalah jelas penyusutan nilai ringgit, kejatuhan harga minyak dunia dan kelembapan ekonomi China tidak memberi kesan yang ketara kepada pendapatan ekonomi Malaysia. Malah, prestasi ekonomi negaraterus berkembang seperti ditunjukkan dalam pencapaian suku ketiga yang terus kukuh.